

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA,**

**PROF MADYA DR SAUNAH ZAINON,**

**MENJALANKAN FUNGSI REKTOR,**

**UiTM CAWANGAN JOHOR**

**SEMPENA**

**PROGRAM AMANAT TAHUN BAHARU  
REKTOR**

**UiTM CAWANGAN JOHOR 2025**

**PADA:**

**21 FEBRUARI 2025 (JUMAAT)**

Nasi lemak sambal bilis

Terima kasih saudari pengacara majlis.

Saya petik kata-kata Mat Lela, dalam filem MADU yang berbunyi;

*Kita ni biar pandai jangan memandai-mandai.*

*Tuhan tak jadikan alam ni untuk kita buat suka-suka kita je.*

*Tuhan suruh kita baca.*

*Madu apa pun semuanya baik, penawar segala penyakit kecuali mati je.*

*Kita pun kena jadi macam lebah, ada sengatnya, tapi kerja buatnya  
hasilkan madu.*

*Lebah nie kalau dia nak hasilkan madu yang baik, dia kena cari bunga  
yang baik.*

*Macam tu juga kita, kalau nak jadi manusia manfaat kena cari ilmu yang  
baik, ilmu yang berkat.*

Saya tinggalkan untuk kita renung-renungkan bersama sebagai mukadimah **AMANAT TAHUN BAHARU REKTOR 2025** yang bertemakan '**Kualiti, Nilai dan Integriti Teras Kejayaan Universiti**'.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam UiTM Johor Kampus Simponi Alam

Salam UiTM Dihatiku,

Salam Maju Johor

Salam Malaysia Madani.

**Yang Berusaha**

Barisan Pengurusan Eksekutif Negeri UiTM Cawangan Johor

**YM Profesor Madya Dr Raja Adzrin Raja Ahmad**

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

**En Irwan Ismail**

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)

**Dr Faridah Najuna Misman**

Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri)

**Dr Siti Khadijah Alias**

Penolong Rektor Kampus Pasir Gudang

**Encik Mohamad Faizul Mohd Ruslan**

Timbalan Pendaftar Kanan

**Encik Mohammed Affendy Mansor**

Timbalan Bendahari

**Ts. Ahmad Shahrizan Mohamed Esman**

Timbalan Pengarah (Pengurusan Fasiliti)

**Puan Mawar Noor Abdullah**

Timbalan Ketua Pustakawan

**Ketua-Ketua Pusat Pengajian, Koordinator Program, Ketua-Ketua Bahagian, Ketua-ketua Unit,**

**Tuan-tuan dan puan-puan, saudara dan saudari,**

**Dan anak-anak pelajar UiTM Cawangan Johor yang budiman sekalian.**

## **SLIDE 1: PENDAHULUAN**

Dengan rahmat dan kasih sayang Allah Yang Memahami, alhamdulillah, dapat juga kita berkumpul pada pagi ini secara fizikal mahupun maya di **Youtube Rasmi UiTM Johor** melalui **Program Amanat Tahun Baharu Rektor 2025**.

Jika tiada anda siapalah saya di sini. Berdiri dengan kekuatan dan kasih-sayang anda, kerja keras menjadikan program kita pada hari ini berlangsung dengan tertib dan baik. Justeru, izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak urusetia yang memastikan program pada hari ini berlangsung dengan jayanya.

Selamat datang warga kampus Segamat dan kampus Pasir Gudang yang berada dalam talian. Saya kira pertemuan yang sangat penting untuk saya kongsikan dengan semua warga UiTM Johor yang saya kasih, apakah duduk sebenarnya perkembangan kampus kita baik di Segamat mahupun di Pasir Gudang. Baik yang baik mahupun yang buruk. Agar langkah kita ke hadapan tersusun kerana kita cakna dengan apa yang berlaku di masa yang lalu.

## **SLIDE 2: KERANGKA PEMBENTANGAN**

Penyampaian amanat pada tahun 2025 ini saya rangkakan sebagaimana di layar. Bermula dengan ucapan selamat dan berakhir dengan sasaran dan apakah hala tuju yang ingin kita bentuk. Kampus ini sangat dekat di hati warganya. Oleh itu, amatlah penting untuk saya memastikan susunan pembentangan dapat difahami dengan jelas. Kita mahu UiTM Johor terus gemilang bagi tahun 2025.

### **SLIDE 3: SELAMAT TAHUN BAHARU**

Cabaran tahun 2025 pastinya mendebarkan buat semua pihak. Bagi saya walaupun masih lagi menjalankan fungsi rektor, saya harus optimis agar perkembangan kampus tidak terhenti. Tanggungjawab harus digalas, tindakan harus disusun, belajar daripada pengalaman dan seterusnya kita kukuhkan semangat kebersamaan agar UiTM Cawangan Johor terus gemilang membangunkan bangsa. Tidak hanya di puncak dunia tetapi terus mengakar, membantu komuniti setempat khasnya.

*Bahu yang memikul, hati yang menyokong – (maksud: bekerja dengan hati yang suka)*

Tidak terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2025 dan doa saya (masih lagi doa yang sama seperti tahun 2024) **semoga Allah kurniakan ketenangan, kejayaan, kegemilangan, kekuatan dan kesabaran buat UiTM Johor dan warga seisinya mendepani tahun ini.** InsyaAllah semoga dipermudahkan.

**Anda semua adalah aset yang amat UiTM hargai dan saya secara peribadi mengucapkan jutaan terima kasih atas semangat juang anda melakar sejarah, menjunjung nama keramat UiTM Johor ke persada sepanjang tahun 2024.** Banyak kegemilangan yang kita lakukan bersama, sehingga anugerah yang sudah lama kita tidak kecapi, alhamdulillah walaupun tempat ketiga sahaja, tetapi Allah rezekikan UiTM Johor untuk naik pentas pada tahun ini. Pencapaian yang luar biasa.

### **SLIDE 4: UCAPAN TAHNIAH**

Setinggi-tinggi tahniah dan selamat menjalankan tugas buat ketiga-tiga Timbalan Rektor kita semua. **YM Prof. Madya Dr Raja Adzrin Raja**

**Ahmad** Timbalan Rektor (Akademik). **En Irwan Ismail** Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) dan selamat menjalankan tugas kembali kepada **Dr Faridah Najuna Binti Misman** Timbalan Rektor (Penyelidikan Dan Jaringan Industri).

Ingatlah, setiap nafas baru yang Allah izinkan untuk kita ambil bukan hanya berkahnya yang diharapkan semata-mata, tetapi ia datang dengan tanggungjawab dan amanah. Semoga Allah mudahkan urusan kalian semua.

### **SLIDE 5: UCAPAN TERIMA KASIH**

Juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat mantan Timbalan Rektor (Akademik), Prof Madya Dr Akmal Aini Othman dan mantan Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar), Dr Basaruddin Shah Basri.

*Banyak padi perkara padi,  
Padi pulut tidak berantah,  
Banyak budi perkara budi  
Budi selaut tidak bernoktah.*

Sungguh budi, sumbangan dan jasa kalian berdua telah membawa UiTM Cawangan Johor terus ke mercu. Terima kasih.

### **SLIDE 6 : JKEN**

Oleh itu, di layar dipaparkan Jawatankuasa Eksekutif Negeri yang baharu bagi tahun 2025. Buat warga yang baru sahaja melaporkan diri juga ingatan untuk semua, menjadi satu keperluan untuk kita ambil tahu pucuk kepimpinan UiTM Johor ini bagi memastikan kelancaran perjalanan kerja

kita sendiri mahupun memastikan teras perkembangan kampus adalah selari dengan perkembangan sektor pendidikan amnya.

Hal ini kerana, pemimpin akan menentukan hala tuju dan jatuh bangun universiti keramat ini. Justeru, saya mahu anda semua menjadi sebahagian *check and balance*, tegur kami sekiranya salah, bantu kami majukan UiTM Johor.

### **SLIDE 7: SEKILAS AMANAT**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Perancangan pembangunan dan perkembangan kampus perlu mengikut dasar dan prosedur yang tepat. Jelas semua warga harus ambil tahu apakah dasar serta hala tuju negara dalam sektor pendidikan khasnya. Percayalah sesebuah organisasi yang berjaya terdiri daripada kumpulan yang banyak tangan tetapi mempunyai pemikiran yang satu. Barulah **bahari** anak bangsa yang kita keluarkan.

\*bahari – cantik, indah dan bijaksana

Jangan pula nanti graduan yang dihasilkan ‘*sampai bersalam pulang berterajang*’ (masuk negeri orang dengan nama baik tetapi pulang membawa nama yang kurang menyenangkan). Habis terpalit nama UiTM, malu nak sorok imej kita. Oleh itu, saya menyeru semua warga bersama-sama saya ayuh kita amati tidak banyak, sedikit sahaja pesanan daripada YAB Perdana Menteri, YB Menteri Pendidikan Malaysia dan juga YBhg Datuk NC yang kita kasihi melalui petikan amanat.

## **SLIDE 8: AMANAT TAHUN BAHARU PM**

Dalam ucapan YAB Perdana Menteri sempena amanat tahun baharu 2025, tema **Keterangkuman dan Kemampunan** telah diangkat seiring dengan peranan negara sebagai Pengurus ASEAN. Perdana Menteri menyeru semua rakyat untuk bergerak dengan daya usaha, ***striving for excellence*** dalam semua aspek. Anggota perkhidmatan awam perlu terokai kaedah baharu dan tidak selesa berada ditakuk yang sama. Manakala setiap jabatan/organisasi perlu mewujudkan ruang dan peluang bagi mendengar dan membincangkan setiap perkara mahupun permasalahan bagi menambah baik proses kerja. Cari jalan untuk kita tingkatkan kualiti perkhidmatan, baiki kelemahan dan wujudkan ruang penamaikan. Tujuannya hanya satu YAB Perdana Menteri mahu mutu perkhidmatan yang ditawarkan kepada pemegang taruh adalah berkelas A. Amanah dijulang, Integriti dipegang, kejujuran diserlah. Itu tawaran yang diperlukan oleh rakyat supaya negara kita terus aman dalam kebersamaan.

## **SLIDE 9: AMANAT TAHUN BAHARU YB MENTERI PENDIDIKAN**

Manakala YB Menteri Pendidikan menggariskan 7 fokus utama melalui 20 Program Signature dalam ucapan amanat tahun baharu beliau. YB Menteri juga membentangkan 10 agenda transformasi pendidikan tinggi yang perlu diamati bersama. **Saya hanya nak petik satu sahaja iaitu fokus satu penyediaan bakat terbaik negara.** Manakala fokus yang lain saya akan rangkumkan dalam pembentangan pemetaan UiTM Johor dengan hala tuju KPT sebentar sahaja lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kekuatan sesuatu bangsa adalah terletak pada rakyatnya. Saya petik kata-kata daripada sasterawan negara, Usman Awang. Kata beliau

*'Maruah suatu bangsa adalah kemerdekaannya, kekuatan suatu bangsa adalah rakyatnya, suara bicara suatu bangsa adalah pemimpinnya, keperibadian suatu bangsa adalah kebudayaannya'.* Jadi untuk kukuhkan negara kita, bakat yang bakal kita sediakan kelak haruslah utuh, setiap butir bicara jelas, pandangan mereka bernilai dan ilmu mereka diakui ramai. Itulah tanggungjawab yang berada di bahu kita semua buat masa ini dan tentunya mempunyai cabaran yang tersendiri. Tetapi saya yakin, dengan kemampuan yang kita ada, kita boleh menyalut semua fokus dan agenda transformasi pendidikan tinggi dengan baik.

### **SLIDE 10: AMANAT TAHUN BAHARU YBHG DATUK NC**

Dengan iltizam dan keikhlasan untuk mencorak UiTM bagi fasa terakhir Pelan Strategik GRU 2021-2025, semua warga perlu bersedia bergerak tangkas agar tercapai hasrat bersama iaitu ***Globally Renowned University*** pada tahun ini. Datuk NC dalam amanat beliau menekankan UiTM perlu menerajui pembangunan profesional bumiputera melalui tiga teras strategik dan sembilan tema utama UiTM 2025. Justeru, semua warga amatilah nilai teras universiti keramat ini iaitu Usaha, Taqwa, Mulia agar kecemerlangan yang ingin digapai berada pada landasan yang benar. Keluarga besar kita ini perlukan kebersamaan, supaya selari dengan kelestarian universiti menuju ke titik yang sama.

### **SLIDE 11: SOROTAN LANTIKAN REKTOR**

Hadirin sekalian,

Saya pegang kepada kata-kata wanita diciptakan istimewa, tetap tegar meskipun selalu ingin menyerah, tetap sabar meskipun selalu sahaja mengeluh dan tetap kuat biarpun hampir terjatuh. Memimpin 10,780 orang pelajar dan 878 orang staf, menjadi sosok wanita Rektor pertama

dalam sejarah di UiTM Johor bukannya mudah. Kadang tangis dihujung mata perlu segera disapu agar warga tidak merasa dukacitanya saya. Kadang hari yang riang gembira perlu disuramkan kerana dukacitanya warga. Saya seperti manusia lain yang lemah dengan kata-kata dan teguh dengan semangat berkata-kata. Satu sahaja yang saya inginkan, saya ingin bersama-sama anda membangunkan bangsa. Jadi amatlah perlu saya berasimilasi dengan warga agar corak kepimpinan saya dapat diamati bersama. Di layar saya paparkan antara aktiviti yang saya laksanakan sepanjang saya berkhidmat sebagai rektor. Keberhasilan warga menjadi keutamaan seiring dengan '**kualiti, nilai dan integriti sebagai teras kejayaan universiti**'. Suka saya ingatkan tuan-puan semua,

*Yang buta menghembus lesung*

*Yang pekak membakar meriam*

*Yang bisu menyimpan rahsia*

*Yang tempang menjaga tongkat*

*Yang kurus menjaga lauk*

*Yang gagah mengimbang perahu*

Oleh itu, bersamalah kita untuk imbangi nakhoda UiTM ini menuju ke puncak kejayaan.

## **SLIDE 12: PERKEMBANGAN UITM JOHOR**

Sebelum kita teliti hala tuju, perancangan serta tindakan yang harus dibuat untuk tahun 2025, eloklah kiranya saya bentangkan sedikit perkembangan kampus dan juga sejarah yang telah tercipta bagi tahun 2024.

## **SLIDE 13: VIDEO SOROTAN AKTIVITI UITM JOHOR**

Ayuh kita saksikan video sorotan aktiviti dan pencapaian UiTM Cawangan Johor bagi tahun 2024. Terima kasih Unit Komunikasi Korporat yang telah menyediakan video ini.

## **TAYANGAN VIDEO SOROTAN AKTIVITI & PENCAPAIAN**

## **SLIDE 14: PROF ADJUNG**

Kompilasi gambar dan video yang ditayangkan sebentar sahaja tadi mungkin ada yang tidak dimasukkan. Jadi berlapang dadalah kerana masa amat mencemburui kita.

Satu sejarah telah tercipta buat UiTM cawangan apabila Johor menjadi kampus perintis pertama mengangkat Datuk Hj Asri Ahmad sebagai Profesor Adjung. Malahan UiTM Johor juga turut menjadi kampus pertama melantik YBhg Datuk sebagai Duta Alumni. Terima kasih YBhg Datuk Asri atas kesudian dan kerjasama. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan.

Kerjasama antara industri dan universiti adalah penting. Anak-anak yang kita ingin hasilkan harus mampu berasimilasi dengan kehendak pasaran. Tersedia dan bersedia untuk melangkah dalam onak duri alam pekerjaan sebenar. Otak dan watak harus seiring agar kemenjadian mahasiswa selari dengan apa yang dimahukan oleh industri dan negara khasnya.

## **SLIDE 15: LAPORAN AUDIT**

Di layar merupakan ringkasan Laporan Audit Penilaian Luar iQMS Kitaran 7/2024 yang telah dilaksanakan oleh InQKA pada 28 hingga 30 Oktober 2024 yang lalu dengan pencapaian keseluruhan UiTM Johor adalah 78.11%, peningkatan 5% berbanding Kitaran 6, 73% pada tahun 2022

dengan 47 pujian, 3 perkara yang perlu ditambahbaik dan 3 perkara yang perlu diberi perhatian.

Saya ingin sentuh berkenaan tiga perkara yang perlu diberi perhatian melibatkan isu penilaian dan pentaksiran program dan fasiliti di makmal komputer manakala tiga perkara yang perlu ditambahbaik pula melibatkan pemahaman staf akademik kepada keperluan MQF, OBE, PEO,PLO dan CLO. Oleh itu, saya menyeru semua warga ambil cakna tentang teguran ini agar kualiti ilmu yang diterapkan untuk mahasiswa kita adalah yang terbaik.

### **SLIDE 16: TREN PENCAPAIAN PI**

Manakala bagi tren pencapaian PI secara keseluruhan kampus kita dari tahun 2022 hingga 2024 berada dalam kategori sederhana. Walaupun peratusan kelihatan penurunan dari tahun ke tahun, namun harus diingat pengukuran prestasi diukur berdasarkan sasaran semasa dan tentunya perubahan PI berlaku saban tahun. Contohnya pada tahun 2024 **UiTMCJ pernah beberapa kali menjadi Top Contributor kepada beberapa bahagian seperti Top Contributor PI Bendahari, TNC P&I, TNC ICAN, PENDAFTAR dan MASMED.** Jika dikaji dengan teliti, tahun 2024 terdapat beberapa bahagian berjaya mencapai pencapaian PI 100% seperti **MASMED** dan **ALUMNI**, selain beberapa bahagian yang sehingga kini masih (2022-2024) mengekalkan pencapaian PI 100% iaitu HEP, Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Pejabat Bendahari

### **SLIDE 17: KEBERSAMAAN**

Saya faham bukan mudah untuk kita menghasilkan kecemerlangan dalam sekelip mata. Usaha, kerja keras dan semangat saling tolong menolong antara jabatan, unit mahupun fakulti amatlah perlu. Seorang

pemenang selalu memikirkan tentang kerjasama sementara seorang pecundang selalu memikirkan bagaimana untuk menjadi seorang yang berkuasa. Bagi menjadi pemenang yang sebenar haruslah kita bekerjasama sebagaimana program-program yang diaturkan pada tahun 2024 semuanya dengan satu matlamat iaitu kebersamaan. Saya percaya kebersamaan perlu diteruskan, dihayati dan diselami bersama tidak kira apapun kedudukan kita di UiTM Johor. Inilah nilai sebenar warga UiTM Johor yang ingin saya garapkan.

### **SLIDE 18: UITM JOHOR – BIL PROGRAM**

Hadirin sekalian,

Sedikit makluman tentang perkembangan kampus kita, kini UiTM Johor menawarkan 48 keseluruhan program merangkumi 22 program pasca, 9 program sarjana muda, 14 program diploma dan 3 program pradiploma. Terdapat 6 program di mana kita bertindak sebagai Pengurus Utama. Manakala kolej kediaman kita pula di kedua-dua kampus adalah sebanyak 12 kolej.

### **SLIDE 19: UITM JOHOR – BIL PELAJAR**

Jumlah pelajar yang berada di UiTM Cawangan Johor kini berjumlah 10,780 orang manakala kekuatan staf pula seramai 878 orang. Kampus kita bergred A dengan kapasiti pelajar yang ramai dan biasanya kita kekurangan dari sudut penyediaan fasiliti terutamanya kolej untuk menampung jumlah pelajar ini.

### **SLIDE 20: UITM JOHOR – KELAYAKAN PROFESIONAL**

Saya juga bekalkan data daripada sudut ‘talent’ yang kita ada. Berapakah kelayakan profesional yang menjadi kekuatan UiTM Johor. Secara

keseluruhan hanya 7 orang sahaja yang mempunyai kelayakan profesional iaitu IR dan Ts. Data ini merujuk kepada jumlah staf yang aktif sahaja. Manakala seramai 140 orang staf mempunyai kelayakan PhD. Saya menyeru semua warga untuk mengambil peluang, sambung belajar tidak kiralah staf pentadbiran mahupun akademik. Anda semua adalah aset yang diperlukan oleh UiTM, kerana pembangunan insan yang akan kita garap kelak adalah terletak kepada kepakaran dan ilmu yang kita miliki. Saya risau jika tren makin menunjukkan angka penurunan, UiTM Johor bakal ketinggalan dan terlepas peluang.

### **SLIDE 21 & 22 : BELASUNGKAWA**

Tuan-tuan dan puan-puan,

Disebalik pelbagai bentuk pencapaian yang kita cipta bersama pada tahun 2024, tentunya terselit berita yang mendukacitakan. Pahit manis kehidupan merupakan rencam yang kita perlu hadapi untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Dukacita saya maklumkan UiTM Johor kehilangan 6 orang pelajar, permata yang telah kita gilap pergi meninggalkan kita semua. Awal tahun 2025 pula seorang lagi mahasiswa kembali kerahmatullah. Belasungkawa untuk keluarga anak-anak kita ini semua. Semoga Allah kurniakan ketabahan, kekuatan dan kesabaran dalam menempuh ujian yang hebat ini. Justeru, marilah kita bertafakur sejenak, bersama-sama sedekahkan Al-fatihah kepada ketujuh-tujuh almarhum mahasiswa UiTM Johor. Manakala bagi yang bukan beragama Islam bolehlah berdoa mengikut kepercayaan masing-masing.

AL-FATIHAH.

### **SLIDE 23 :PELAKSANAAN KEMPEN**

Salah satu langkah yang kita ambil secara drastik bagi mengurangkan kadar kemalangan dalam kalangan mahasiswa ini adalah melalui kempen UiTM Johor Cakna. Pelekat doa keselamatan diberikan buat semua mahasiswa yang menaiki kenderaan, *email* hebahan dan juga kempen keselamatan jalan raya dilaksanakan. Para pensyarah pula saya galakkan ambil masa 5 hingga 10 minit setiap kali kuliah untuk memberi nasihat dan teguran. Manakala bacaan doa keselamatan diperdengarkan hampir setiap pagi di kampus. Tahniah saya ucapkan atas usaha yang dilaksanakan oleh pihak HEP, Pejabat Polis Bantuan, para pensyarah dan UHEI. Semoga usaha ini Allah pandang sebagai bentuk amal jariah kita kerana membantu anak-anak UiTM Johor yang sedang berjuang menghabiskan pengajian mereka.

### **SLIDE 24 :CARTA ORGANISASI**

Saya juga paparkan di sini struktur governans Pejabat Rektor di UiTM Johor. Kelapan-lapan PTJ ini perlu melaporkan terus kepada saya setiap aktiviti dan pelaksanaan program. Semoga dengan paparan ini, warga lebih memahami kenapa mereka selalu berulang-alik ke pejabat rektor. Bukan untuk minum petang tetapi perlu membentang.

### **SLIDE 25 :PENCAPAIAN**

Ayuh kita amati pencapaian yang telah diperolehi oleh kampus cawangan kita ini dan warga. Unit Komunikasi Korporat telah bekalkan kita dengan video sebentar tadi. Jadi paparan seterusnya kita akan percepatkan.

## **SLIDE 26 :SYABAS DAN TAHNIAH 1**

Di awal ucapan saya tadi, saya ada maklumkan berkenaan sudah lama UiTM Johor tidak naik pentas. Alhamdulillah pada tahun 2024, hadirin semua saya mohon tepukan gemuruh buat UiTM Johor di atas kejayaan mendapat Tempat Ketiga AKNC 2024 Kategori Cawangan dan Hadiah Saguhati Kumpulan Kecemerlangan OE (Kumpulan OSOMS). Percayalah untuk menjadi *top finalist* sahaja saya kira berhempas-pulas semua penulis memerahkan idea. Saya sangat bersyukur atas kemenangan ini. Alhamdulillah. Syabas dan tahniah kepada semua penulis yang diketuai oleh Unit Pengurusan Kualiti, Puan Siti Rahayu Sarman dan En Syed Khusairi Tuan Azam, Penyelaras AKNC dan juga Pakar Rujuk, Penasihat dan Fasilitator KIK.

## **SLIDE 27 :SYABAS DAN TAHNIAH 2**

Juga tahniah kepada BPJIA yang mendapat tempat ketiga perolehan geran swasta tertinggi kampus 2023 dan penerbitan jurnal tertinggi kampus UiTM 2023. Tahniah Dr Faridah Najuna Misman yang telah menerajui BPJIA dengan cemerlang.

## **SLIDE 28:SYABAS DAN TAHNIAH 3**

Saya mahu semua memberi tepukan buat diri sendiri kerana UiTM Cawangan Johor pada tahun ini mencapai 100% pencapaian jam latihan 42 jam bagi staf akademik juga bukan akademik. Anda semua telah membuktikan bahawa kita mampu berubah untuk kecemerlangan.

## **SLIDE 29 – 35 :SYABAS DAN TAHNIAH 4**

Seterusnya, di layar saya tunjukkan beberapa kejayaan warga, pelajar dan juga staf, sama ada dalam bidang akademik dan bukan akademik yang terbaru.

Slide 29

Slide 30 – Syabas dan Tahniah buat AAGBS. UiTM kini menjadi sebahagian daripada 1,047 institusi merentasi 67 negara dan wilayah yang mempunyai akreditasi dalam AACSB *accreditation in business*. AAGBS menjadi *business school* ke 11 dalam Malaysia.

Slide 31

Slide 32

Slide 33

Slide 34

Slide 35

## **SLIDE 36 :KECEMERLANGAN SATU KEMESTIAN**

Kata Inamori Kazuo (*Chairman of Japan Airlines*), ‘Kalau anda mahu cemerlang, anda mesti sanggup bertembung dengan banyak halangan. Halangan terbesar adalah MINDA anda sendiri, yang hanya sukakan sesuatu yang selesa dan mudah’. Ada tiga perkara yang ingin saya kongsikan dengan warga iaitu bermula dengan **DAYA USAHA** yakni kunci untuk seseorang insan yang ingin mencari kemajuan, kecemerlangan dan kekayaan. Tetapi dengan syarat **KEINGINAN** harus ada dan **TUJUAN** yang jelas, tidak boleh ditawar-tawar lagi. Justeru untuk kita maju dan terhadapan kecemerlangan adalah satu kemestian. Ayuh sama-sama kita berubah untuk berjaya.

## **SLIDE 37 :PERUBAHAN**

Suka untuk saya kongsikan, satu bentuk pemikiran yang berasal daripada German iaitu “*Zeitgeist*” (kesedaran zaman). Sebagai pemikir yang ingin membangunkan bangsa, takuk pemikiran kita tidak harus selesa. Dalam dunia ini tuan, puan tiada seorangpun yang mampu melompat masanya sendiri. Oleh itu, mahu tidak mahu, kita perlu menerima hakikat bahawa ‘**perubahan**’ adalah tidak terelakkan. Perubahan sudah lama terbukti sebagai **aktor utama** di pentas sejarah. Perubahan zaman menjengah ke kaki kehidupan dengan mengusung bersamanya cabaran baharu.

Hakikatnya kita tidak mampu mengubah sesebuah organisasi dengan hanya kita sahaja yang berusaha keras. Oleh itu, saya menyeru semua warga untuk menganjak mentaliti daripada “**I**” kepada “**We**” – **kebersamaan**. Sebagaimana dalam Lagu Wawasan Setia UiTM simbolik kebersamaan ini sangat jelas di mana **hanya ada 1 Aku tetapi terdapat 6 Kita dan 3 Kami**. Bergerak seiring sepasukan melalui **collaboration, coordination dan cooperation**. Sebagaimana menteri KPT menyeru kita semua dalam petikan para. 20 teks ucapan beliau iaitu kesatuan pemikiran, kesatuan hati dan kesatuan tindakan. Semuanya merujuk kepada semangat kerjasama dan kebersamaan.

## **SLIDE 38 :BEHAVIOUR IS ALWAYS GREATER**

Umar Al-Khattab R.A berkata,

‘kebijikan yang ringan adalah menunjukkan muka berseri-seri dan mengucapkan kata-kata lemah lembut’.

Semudah itu sesuatu tindakan serta tingkah laku kita akan memberi kesan kepada orang lain.

*Behaviour is always greater than knowledge. Because in life there are many situations where knowledge fails but behaviour can still handle.*

*Education is a learning trait. Behaviour is an inborn light.*

Jangan mudah terpedaya dengan dunia sebagaimana kata Imam al-Ghazali, ‘*dunia ini ibarat ular, lembut sentuhannya, tetapi amat berbisa*’. Kita harus belajar daripada Imam Malik, kata Aburrahman bin Qasim (pelayan Imam Malik bin Annas), ‘*tidak kurang 20 tahun aku menjadi pelayan Imam Malik. Selama 20 tahun tersebut, aku perhatikan beliau menghabiskan 2 tahun untuk mempelajari ilmu dan 18 tahun untuk mempelajari akhlak*’. Justeru saya seru semua warga letakkan akhlak di atas ilmu.

## **SLIDE 39 : 3Cs OF ACHIEVING GOALS**

Para Hadirin Sekalian

3Cs *Concentration, Courage & Commitment* untuk mencapai matlamat adalah:

1. *Concentration*: Fokuskan perhatian dan energi pada tujuan. Hindari gangguan dan pastikan segala usaha dimatlamatkan untuk mencapai hasil yang diinginkan.
2. *Courage*: Hadapi sebarang ketidakpastian dengan percaya pada diri dan berani untuk terus maju meskipun ada halangan atau ketidakpastian.
3. *Commitment*: Tekun. Teruslah berusaha meskipun kemajuan terasa lambat atau sulit.

Gunakan kombinasi ketiga-tiga elemen 3Cs ini untuk mencapai tujuan yang kita inginkan dalam mengerakkan organisasi kita ini. Saya yakin tujuan dapat tercapai dengan lebih efektif.

### **SLIDE 40 : CABARAN TAHUN 2025**

Tahun 2025 menjanjikan pelbagai perubahan dan cabaran yang memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Dunia kini berada di ambang transformasi besar, dengan perkembangan teknologi yang pesat, dan ketidakseimbangan ekonomi yang terus meruncing. Dalam menghadapi cabaran ini, semua perlu bersedia untuk beradaptasi dan mencari penyelesaian yang berkesan. Oleh itu, adalah penting untuk kita memahami dengan lebih mendalam cabaran-cabaran yang bakal dihadapi, agar kita dapat merangka strategi dan langkah-langkah yang tepat untuk menghadapinya. Melalui kesedaran, kerjasama, dan tindakan yang bijaksana, kita mampu mengharungi tahun 2025 dengan penuh harapan dan kesiapsiagaan.

### **SLIDE 41 : PEKELILING NAIB CANSELOR**

Tuan-tuan dan puan puan sekalian, di layar merupakan pekeliling Naib Canselor Bil 10 tahun 2024, garis panduan strategi bajet UiTM tahun 2025 - di mana ketua PTJ perlu lebih selektif terhadap aktiviti atau program yang memberi impak tinggi kepada PTJ atau universiti.

Dengan kekangan bajet yang ada saya menyeru semua warga untuk lebih kreatif, inovatif dan agresif dalam merangka perancangan setiap unit, bahagian mahupun fakulti. Gunakan elemen 2 J iaitu Jana dan Jimat.

## **SLIDE 42 : GLOBALLY RENOWNED LOCALLY ROOTED**

Saya faham semua warga maklum akan matlamat UiTM untuk menjadi sebuah universiti ***Globally Renowned, Locally Rooted***. Tetapi menjadi tanggungjawab saya untuk mengingatkan warga bahwasanya kita masih lagi berusaha dan hala tuju kita masih perlu diselaraskan kepada satu tujuan yang sama.

***Globally Renowned, Locally Rooted*** menggambarkan UiTM sebagai sebuah institusi pendidikan yang terkenal di peringkat antarabangsa, namun tetap teguh dengan budaya dan nilai-nilai tempatan, berjaya mengukir nama di persada global melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan, dan inovasi, namun mengekalkan komitmennya untuk memberi manfaat mengikut acuan UiTM kepada masyarakat Malaysia. Dengan pendekatan ini, kita bukan sahaja melahirkan graduan yang berdaya saing di pasaran global, tetapi juga tetap memberi impak yang besar dalam pembangunan negara, nusa dan bangsa.

## **SLIDE 43 : GRU 2025**

Warga UiTM Cawangan Johor bagi meneruskan usaha ke arah *Globally Renowned University* “GRU 2025” pelbagai aktiviti telah dan bakal dijalankan seperti, IABC, DIIID, *International Summer Camp*, SULAM di Krabi Thailand, aktiviti bersama komuniti antarabangsa, dan program bersama rakan-rakan universiti antarabangsa UiTM Cawangan Johor. Pelbagai aktiviti telah berjaya dijalankan.

Secara amnya, aktiviti pengantarabangsaan memberi manfaat besar kepada UiTM dengan membantu memperkasa kecemerlangan akademik, meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa, dan memberi impak positif kepada komuniti tempatan dan antarabangsa.

#### **SLIDE 44 : KERANGKA DASAR**

Para hadirin sekalian, ini merupakan kerangka dasar yang perlu dihayati oleh semua warga kampus.

Pembangunan Pelan Strategik KPT 2023 - 2025 telah menggariskan secara terperinci langkah strategik dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan secara komprehensif bagi tempoh tersebut. Tempoh pelan strategik ini ditetapkan untuk tempoh tiga (3) tahun iaitu 2023 hingga 2025 kerana dijajarkan dengan tempoh dua (2) dokumen dasar induk yang menjadi rujukan utama KPT iaitu:-

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) - [PPPM (PT)] dan Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025 (PTPTM). Visi dan Misi KPT telah diubah selaras dengan aspirasi pemegang taruh seperti berikut:

Visi: Malaysia sebagai hab bakat dan pengetahuan yang unggul

Misi: Memperkuuh ekosistem pendidikan tinggi menerusi pemerksaan bakat dan pengetahuan bagi mencapai kesejahteraan masyarakat untuk kemajuan negara yang mampan.

Justeru Pelan Tindakan disusun berdasarkan kepada empat (4) teras strategik yang merangkumi 15 strategi dan 52 program bertujuan untuk memacu Visi dan Misi KPT. Dokumen ini secara umumnya mengandungi lima (5) bab utama yang menghuraikan aspirasi dan fungsi, cabaran-cabaran yang perlu diatasi, hala tuju strategik dan pelan tindakan bagi mencapai aspirasi serta diakhiri dengan kesimpulan.

## **SLIDE 45 : SEJARAH UiTM**

Institut Teknologi MARA Cawangan Johor telah memulakan operasinya pada 15 Disember 1983 di bangunan sementara di Taman Indah, Bukit Siput, Segamat. Kampus sementara di Bukit Siput ini terletak di Jalan Genuang, Segamat dan telah dirasmikan oleh Y.B. Menteri Besar Johor pada ketika itu, Dato' Abd. Ajib bin Ahmad pada 1 Januari 1984.

Di kampus sementara ini cuma dapat menempatkan seramai 440 orang pelajar sahaja pada satu-satu masa. Memandangkan pengambilan pelajar yang semakin meningkat mengikut Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5), maka pihak ITM telah meminjam Sekolah Rendah Kebangsaan Temenggong Abdul Rahman untuk dijadikan kolej kediaman dan dikenali sebagai Kolej Temenggong Abdul Rahman mulai bulan Ogos 1986,

Kampus ITM Cawangan Johor berpindah secara berperingkat ke kampus sementara di Segamat Baru yang bertentangan dengan Taman Indah, Bukit Siput. Disebabkan kepesatan pembangunan pelajar, Kerajaan Negeri Johor berbesar hati menyumbang sebuah kampus tetap ITM Segamat di Batu 8, Jalan Muar Segamat di atas tanah seluas 200-hektar. Kampus yang siap dibina sepenuhnya ada bulan Januari 1990 ini mampu menampung kapasiti pelajar sehingga 2,500 orang. ITM Cawangan Johor juga membuka kampus keduanya di Johor Bahru pada tahun 1990 di

Menara Landmark sehingga berpindah ke Larkin pada 2 Julai 2007 dan dikenali sebagai UiTM Johor Kampus Bandaraya Johor Bahru.

Pada 17 Julai 2010, satu upacara pecah tanah telah dilaksanakan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada ketika itu, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di atas tanah seluas 200 ekar di Pasir Gudang, Johor yang siap sepenuhnya pada 1 Mei 2014. Kampus Bandaraya Johor Bahru sekali lagi telah berpindah ke Bandar Seri Alam Masai, Pasir Gudang di bawah perancangan Kampus PFI (*Public Finance Initiative*) dan dikenali sebagai UiTM Cawangan Johor Kampus Pasir Gudang.

### **SLIDE 46 : STRATEGI 2025**

Hadirin sekalian, di layar merupakan projek-projek RSP 2.0, secara keseluruhannya terdapat 5 projek RSP yang baharu manakala 11 projek merupakan kesinambungan dari RSP 1.0.

### **SLIDE 47 : 16 PROJEK RSP**

Tahniah dan syabas kepada 16 ketua ketua projek kerana dipilih.

### **SLIDE 48 : 16 PROJEK RSP**

Projek 7, 10, 11, 13 dan 14 merupakan projek RSP yang baharu.

Tahniah dan syabas kepada 16 ketua ketua projek kerana dipilih dan diharapkan semua ketua dan ahli projek akan menjalankan projek dengan baik dan penuh dedikasi.

Berkat menjalankan amanah adalah hasil daripada kesungguhan dan tanggungjawab yang ditunaikan dengan ikhlas. Apabila seseorang

memikul amanah dengan penuh dedikasi, mereka bukan sahaja menunaikan kewajipan, tetapi juga mendapat keredaan dan rahmat daripada Tuhan. Kejujuran dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab akan membawa kejayaan yang berkat, bukan hanya untuk diri sendiri, tetapi juga kepada masyarakat dan negara. Saya tidak berhasrat untuk menerangkan dengan lanjut, insyaAllah saya akan terangkan di sesi seterusnya jika diizinkan Allah.

#### **SLIDE 49 : UiTM CAWANGAN JOHOR KAMPUS BERDAYAHUNI**

Hadirin sekalian,

Sejak tahun 2024, saya mahu kampus kita dikenali dengan ‘*Liveable Campus*’. UiTM Cawangan Johor, Kampus Berdayahuni.

UiTM Cawangan Johor kampus berdayahuni merujuk kepada usaha universiti ini dalam menyediakan persekitaran yang lestari, mesra alam, dan mampan untuk seluruh warga kampus. Dengan menekankan kepentingan kelestarian, UiTM mengintegrasikan amalan hijau seperti pengurusan sisa yang cekap, penggunaan tenaga yang lebih efisien, serta pembangunan kemudahan yang mesra alam. Kampus berdayahuni ini juga memberi tumpuan kepada pembentukan budaya kesedaran alam sekitar dalam kalangan pelajar dan staf, serta menggalakkan mereka untuk berperanan aktif dalam usaha menjaga kelestarian bumi. Ini menjadikan UiTM sebagai institusi yang bukan sahaja berfokus kepada kecemerlangan akademik, tetapi juga kepada pembangunan sosial dan persekitaran yang lebih baik.

## **SLIDE 50: SUMBER DASAR**

Oleh itu, bagi mewujudkan kampus yang berdayahuni saya mohon semua warga untuk mengamati **empat (4) sumber dasar utama** sektor pendidikan yang harus dipegang oleh warga yang terlibat. UiTM telah lama menjadi sebahagian institusi penting dalam kemajuan negara yang mempunyai ekonomi berasaskan pengetahuan. Keempat-empat sumber dasar ini perlu dibaca, dihayati dan diamalkan.

- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT),
- Kod dan Nilai Etika Warga UiTM (Pekeliling Naib Canselor Bil 5 Tahun 2019)
- Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 dan MQA
- Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), *Code of Practice, Standard Program (PS), Guideline to Good Practice (GGP)*

## **SLIDE 51: TADBIR URUS**

Dalam usaha memperkasakan pendidikan tinggi Bumiputera pelbagai inisiatif telah dirancang seperti:-

- Penghasilan bidang tumpuan atau fokus kampus : peningkatan ke arah kualiti dan kuantiti.
- Penekanan terhadap aktiviti atau program yang memberi impak tinggi.
- Pembudayaan kerja berkualiti melalui pengiktirafan.
- Pembangunan bakat staf dan pelajar.
- Peningkatan keupayaan penyeliaan pasca siswazah.

Saya yakin melalui usaha ini, pendidikan tinggi Bumiputera dapat diperkasakan dalam usaha kita meningkatkan lagi sumber tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, berdaya saing, dan terus berperanan dalam pembangunan negara tercinta ini.

## **SLIDE 52: PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pelaksanaan, pengurusan dan pemantauan agenda penyelidikan dan inovasi di UiTM Cawangan Johor merangkumi:

- Entiti Kecemerlangan
- Jaringan Kolaborasi melalui jaringan industri dan kebitaraan universiti
- Hasil Penyelidikan dan Pencapaian Petunjuk Prestasi (KPI) dan
- Penerbitan.

Warga UiTM Cawangan Johor perlu terus memainkan peranan bagi membantu meningkatkan lagi mutu akademik, membuka peluang baru untuk kerjasama dengan pihak industri, kerajaan dan terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta negara.

Oleh itu, saya ingin mengajak para pensyarah untuk terus berusaha menjalankan penyelidikan dan menerbitkan hasil kajian di jurnal-jurnal berimpak tinggi.

## **SLIDE 53: JUSTERU**

Saya banyak menyeru warga untuk menjadi yang terbaik dalam kalangan yang terbaik. Tujuannya hanya satu, saya mahu warga memilih untuk

menjadi yang terbaik. Tetapi, dalam proses membuat pilihan, terbaik di sini berdasarkan karangka ilmu, bukannya emosi. Oleh itu, saya gariskan tiga cadangan utama untuk warga UiTM Cawangan Johor yang budiman,

- Mewujudkan ekosistem kecemerlangan berintegriti dan beretika.
- Menegakkan prinsip-prinsip governans yang telus lagi adil.
- Memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan.

### **SLIDE 54: HIDUPLAH UNTUK HARIINI**

Para hadirin yang dikasihi,

Jika kita selami hadis Rasulullah SAW yang berbunyi;

‘Orang yang bijak ialah mereka yang mengingati kematian’,

selain peringatan menginsafkan ini, erti tersirat hadis ini seperti meminta kita untuk memanfaatkan kehidupan dengan sebaiknya seolah-olah hari tersebut adalah hari terakhir untuk kita hidup. Tuan puan boleh mendapatkan buku yang ditulis oleh Muhammad Al Ghazali, galilah ilmunya dan amalkan supaya hidup kita di dunia ini mendatangkan manfaat buat orang sekeliling. Besar pahalanya.

### **SLIDE 55: STRATEGI DAN TINDAKAN**

Warga UiTM sekalian, Tahun 2025 merupakan Fasa Peralihan bagi Pelan Strategik UiTM 2030, dengan itu, semua warga disarankan untuk membangunkan ekosistem kampus yang berfokus dan berimpak tinggi melalui.

## **SLIDE 56: TAHUN 2025 MERUPAKAN FASA PERALIHAN**

- Memperkasakan penglibatan staf dalam aktiviti universiti
- Memperkuuhkan kerjasama dengan kerajaan jaringan pintar
- Mempergiat perpindahan teknologi bagi selaras dengan seruan *Humanizing Education 5.0*
- Memperkuuh Tadbir Urus dan Integriti
- Mengoptimumkan Pembangunan Bakat

## **SLIDE 57: PEMETAAN UiTM CAWANGAN JOHOR DENGAN HALATUJU KPT DAN UiTM**

Para hadirin sekalian, di layar merupakan pemetaan UiTM Cawangan Johor dengan halatuju KPT dan UiTM. Saya simpulkan kepada 7 fokus utama iaitu:

Fokus 1 : Penyediaan Bakat Terbaik Negara

Fokus 2: Kewibawaan Akademia dan Warga Kampus

Fokus 3: Pemindahan dan Perkongsian Ilmu

Fokus 4: Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi

Fokus 5: Governans dan Kepimpinan

Fokus 6: Kemampunan Kewangan IPT

Fokus 7: Infrastruktur, Digital dan Kesejahteraan Kampus

## **SLIDE 58: FOKUS 1**

Fokus 1 menekankan penyediakan bakat terbaik negara melalui tiga inisiatif utama yang telah dirancang seperti:

- *Reseacrh Champion @ UiTM Johor*
- *Jom PhD@UiTM Johor*
- *[Ph.inisheD@UiTM](#) Johor*

Disamping itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr Nur Amalina Aziz dan ahli projek atas keberhasilan projek *Human Development Index (HDI)*. Hasil kajian menunjukkan empat teras utama HGI iaitu **transparensi, akauntabiliti, kecekapan, dan efektif**. Indeks ini bertujuan untuk mempromosikan tadbir urus yang baik di universiti dan memberi manfaat kepada sistem pendidikan secara keseluruhan.

Saya yakin dalam konteks pendidikan tinggi yang semakin mencabar, pengurusan yang berkesan amat diperlukan untuk memenuhi keperluan pelbagai pihak dan menyediakan pendidikan berkualiti kepada generasi akan datang. Perlu kita ingat bahawa kejayaan sesebuah universiti bergantung kepada kualiti pendidik, pentadbir, dan juga pengurusan.

## **SLIDE 59: FOKUS 2**

Fokus 2 pula menekankan kewibawaan akademia & warga kampus melalui:

- *Directory of expertise*
- *UiTM Johor expert*
- Entiti Kecemerlangan (EK/RIG)
- *Smart Transformation Classroom*

Matlamat “***Humanizing Education 5.0***” diterjemahkan melalui penerusan projek RSP 2.0 iaitu RSP 8 – *Transformation Classroom*. Terima kasih Puan Jaslin Md Dahlan, ahli projek dan Hal Ekwal Akademik (HEA) dan Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) atas usaha ini, sama

sama kita nantikan transformasi *smart classroom* yang akan dimulakan di Bilik Kuliah U001.

### **SLIDE 60: EK**

Para hadirin yang saya kasihi, entiti kecemerlangan (EK) merupakan salah satu inisiatif fokus 2. Inisiatif ini berpandukan Dasar Entiti Kecemerlangan UiTM (pindaan 2020) dan Garis Panduan Kecemerlangan UiTM (2020).

### **SLIDE 61: STATISTIK**

Di layar merupakan statistik kumpulan entiti kecemerlangan (EK) UiTM Cawangan Johor di mana kita mempunyai:

- 3 kumpulan RIG
- Dengan kekuatan 37 jumlah pensyarah
- 31 di kampus Segamat dan 6 di kampus Pasir Gudang
- 5 pensyarah – ahli bersekutu
- 32 pensyarah yang menjadi ahli tetap

Ayuh kita tingkatkan jumlah ini bagi memastikan kualiti penyelidikan kelak seiring dengan kemajuan negara.

### **SLIDE 62: FOKUS 3**

Manakala bagi Fokus 3 aspek pemindahan & perkongsian ilmu ditekankan. Saya petakan kepada beberapa program yang mengkhusus kepada fokus ini iaitu:

- Penawaran program dan Majlis Pembangunan Bakat Negeri Johor (JTDC – Johor Talent Development Council).
- Program Bicara Tokoh.
- *CEO Talk@Faculty*.

Inisiatif ini penting bagi memastikan kerjasama antara institusi pendidikan, pihak industri dan alumni adalah seiring agar kesan limpahan positif dapat dirasai oleh semua warga. Terbuka dalam menerima ilmu dan terisi dengan ilmu yang bermanfaat.

## **SLIDE 63: FOKUS 4**

Para hadirin,

Fokus 4 pula memfokuskan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi.

Inisiatif seperti *global presence* dan komuniti antarabangsa diperkuuhkan bagi mencapai sasaran GRU 2025. Inisiatif ini akan dijayakan dengan projek RSP 12 dan RSP 13.

## **SLIDE 64: FOKUS 5**

Bagi Fokus 5 iaitu Governans & Kepimpinan memacu *Prinsip 3R - Royal, Religion, Race*. Prinsip 3 R ini diangkat melalui pelbagai usaha yang telah dirancang seperti:

- UiTM Johor 2030
- Pengukuhan Kolaborasi dengan Kerajaan Negeri
- Perkenan Istana DiRaja.

Secara amnya, prinsip **3R** bertujuan untuk memastikan keharmonian, perpaduan, dan penghormatan terhadap institusi negara, agama, serta

kepelbagaian kaum dalam kalangan warga universiti, yang menjadi asas dalam pembentukan masyarakat yang berintegriti dan progresif.

### **SLIDE 65: FOKUS 6**

Selaras dengan perancangan kementerian di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi (IPT)) untuk mengurangkan kebergantungan IPT kepada kerajaan. Lonjakan 5 PPPM (PT) iaitu kemampuan kewangan menyatakan IPT di Malaysia perlu berusaha mendapatkan sumber pendapatan tambahan sebagai alternatif untuk menjadi sebuah universiti awam yang lebih fleksibel, kukuh dan mampan dari segi pengurusan kewangan. Melalui pemetaan fokus ke 6, saya gariskan empat inisiatif utama iaitu kempen zakat, sumbangan alumni, sewaan tanah dan ruang kampus serta inisiatif jana dan jimat. Suka saya kongsikan bersama warga, melalui beberapa unit serta bahagian yang telah digerakkan contohnya MASMED melalui Projek Cofy Coffee di Kolej Intan, Pejabat Bendahari melalui pemasangan 1 unit mesin kitar semula tunai oleh Affin Bank dan beberapa projek yang kita tengah usahakan. Jika menjadi kenyataan untuk sesi perkongsian seterusnya, akan saya sampaikan.

### **SLIDE 66: FOKUS 7**

Fokus ke 7 KPT iaitu melalui Infrastruktur, Digital & Kesejahteraan Kampus, UiTM Cawangan Johor telah memetakan 7 projek inisiatif utama iaitu;

1. Kampus Simfoni Alam
2. Smart Campus@UiTM Johor

3. Inisiatif Green Campus
4. Projek Laksamana Nektar
5. UiTM Johor Digital
6. Kampus Berdayahuni (*Green Initiative*)
7. Trek Kesihatan di UiTM Johor bagi pembudayaan gaya hidup sihat yang dilengkapi dengan papan tanda jarak sejajar dengan Amanat Tahun Baharu 2025 YBhg Naib Canselor UiTM. Trek Kesihatan ini akan dibangunkan oleh Unit Kesihatan dengan bantuan BPF dan Unit Sukan.

Bagi melaksanakan keseluruhan inisiatif ini saya menyeru warga untuk menggunapakai prinsip 3R iaitu *Reduce, Reuse and Recycle*.

### **SLIDE 67: GREEN CAMPUS**

Pelaksanaan *Green Campus* sebenarnya telah lama dibuat di UiTM Cawangan Johor. Saya berterima kasih atas semangat kerjasama dan semangat bergotong-royong warga. Semua projek *green campus* di layar dibangunkan berdasarkan semangat kerjasama dan gotong-royong. Selaku pentadbir saya sangat menyokong usaha murni warga UiTM Cawangan Johor ini. Teruskan usaha dan semoga projek-projek penjanaan pendapatan ini membawa hasil yang lumayan. Projek Laksamana Nektar dan Cili fertigasi telah membawa hasil manakala Projek D'rian Segar Amat kita masih menunggu pokok-pokok kita tumbuh dengan jayanya hingga membawa pulangan kelak. Semoga dipermudahkan.

## **SLIDE 68: PROJEK PEMBANGUNAN**

Hadirin sekalian,

Suka juga saya kongsikan beberapa projek pembangunan kampus yang sedang giat dilaksanakan dan pada hari ini, buktinya kita telah berkumpul di dewan yang tersergam indah ini iaitu Dewan Sri Temenggong yang telah siap di naiktaraf dan boleh digunakan sejak awal tahun 2025. Selain itu, jalan raya dan juga pintu masuk utama kampus juga sudah bertukar wajah. Hasrat saya untuk melihat kampus kita ini berdayahuni semakin menampakkan sinarnya. Jika tuan puan melalui pintu masuk kampus dan beberapa kawasan kampus, projek naik taraf cerun sedang dilaksanakan. Manakala dewan makan ulam raja pula kini sedang diubahsuai untuk dijadikan Pusat Kegiatan Pelajar. Usaha ini tidak dapat dilaksanakan tanpa kerja keras oleh Bahagian Pengurusan Fasiliti. Saya ingin semua warga kampus memberikan tepukan gemuruh buat BPF yang diketuai oleh Ts. Ahmad Shahrizan Bin Mohamed Esman

## **SLIDE 69: SASARAN DAN HALA TUJU**

Menguruskan dua buah kampus dengan kapasiti warga yang melebihi puluhan ribu memerlukan pengurusan pengetahuan yang cekap. Dalam sesebuah organisasi proses penentuan, penyusunan dan pengekalan maklumat serta perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan warga amat dituntut.

## **SLIDE 70: 1 PENSYARAH**

Libatsama menyeluruh ke arah kecemerlangan GRU 2025 UiTM menuntut kompetensi akademia dan staf bukan akademik bergerak

seiring. Kualiti mahasiswa yang ingin digarap harus holistik, tumbuh dengan nilai-nilai murni, sikap yang baik dan sentiasa seiring dengan peredaran masa. *Champion* di mata dunia tetapi tetap tunduk bila bersama komuniti, mengakar menjadi insan yang mempunyai ihsan.

Justeru, para pendidik diseru untuk sentiasa berasimilasi dengan kehendak semasa. Saya ingin ingatkan para pensyarah, petikan amanat YBhg Datuk NC 2024, setiap pensyarah mesti mempunyai 1 kumpulan penyelidik dan 1 penerbitan masih tergunapakai.

### **SLIDE 71: PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN**

Saya juga ingin amanahkan warga UiTM Johor di mana setiap pensyarah perlu mempunyai 1 geran penyelidikan sama ada sebagai ketua penyelidik atau sebagai ahli penyelidik serta seorang pensyarah mesti mempunyai 1 penerbitan berindeks sebagai penulis koresponden.

### **SLIDE 72: 2J**

Manakala bagi inisiatif 2J (Jana dan Jimat) setiap bahagian/fakulti/unit di amanahkan

- Sekurang-kurangnya **Satu Aktiviti Penjanaan Pendapatan setahun** dengan mengoptimumkan pengetahuan, bakat dan kepakaran masing-masing.
- Sekurang-kurangnya **Satu Aktiviti Penjimatan setahun** melalui pembudayaan kelestarian **3R – Reuse, Recycle dan Reduce**
- Sekurang-kurangnya **Satu Aktiviti Khidmat Komuniti** setahun – selaras dengan **Prinsip Asas 3R: Referred, Relevant dan Respected** agar pengetahuan, bakat dan kepakaran dapat

disumbangkan secara berimpak melalui penglibatan aktif bersama komuniti

### **SLIDE 73: PELAN TINDAKAN DASAR JIMAT TENAGA**

Hadirin sekalian,

Bagi pelan tindakan dasar jimat tenaga, saya amanahkan Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) untuk menghasilkan satu manual pelan tindakan dasar jimat tenaga UiTM Cawangan Johor 2025. Menjadi keperluan untuk kampus lebih bijak mengurus tenaga selaras dengan kekangan kewangan (dampak dari sudut ekonomi) mahupun kesan luaran (*externalities*) akibat penggunaan tenaga yang berlebihan (dampak dari sudut kehidupan sosial warga dan alam sekitar).

### **SLIDE 74: PENYEDIAAN LAPORAN TAHUNAN**

Kebersamaan menjanjikan kejayaan. Oleh itu, bagi memastikan '**Kualiti, Nilai dan Integriti menjadi Teras Kejayaan Universiti**' penghasilan pelaporan yang efektif akan menjadi satu bentuk susunan ilmu yang bermanfaat. Pelaporan ini akan menjadi penanda aras serta *check and balance* kepada pihak pentadbiran. Oleh itu, saya amanahkan **Satu Bahagian / Satu Kolej Pengajian / Satu Fakulti dengan Satu Laporan Tahunan 2025** yang akhirnya akan menghasilkan **LAPORAN TAHUNAN UiTM CAWANGAN JOHOR.**

## **SLIDE 75: PRASARANA KONDUSIF**

Prasarana yang kondusif, mencukupi dan berkualiti akan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih efektif serta harmoni buat pemegang taruh utama kita iaitu pelajar. Ini kerana, persekitaran yang kondusif mampu menghasilkan suasana kampus yang berdayahuni sekaligus membentuk komuniti mahasiswa yang lebih inklusif. Oleh itu, saya menyeru Perpustakaan Tun Dr Ismail (PTDI) 1 untuk mewujudkan Perpustakaan Kreatif, Prasarana Kondusif selaras dengan Pelan Strategik Eksekutif 2024-2030. PTDI 1 perlu menambahbaik perpustakaan melalui revolusi maklumat, kreatif dan prasarana kondusif.

## **SLIDE 76: PELANCARAN**

Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebentar sahaja lagi kita akan menyaksikan pelancaran atau peluncuran **Pelan Strategik Eksekutif UiTM Cawangan Johor 2025 - 2030** dan **Pelancaran Logo KARISMA**. KARISMA dijadualkan akan berlangsung pada 17-24 Ogos 2025 di kampus kita. InsyaAllah dengan izinNya kampus kita akan menjadi tumpuan seluruh sistem UiTM pada bulan Ogos nanti. Semoga dipermudahkan.

## **SLIDE 77: 7P**

Saya juga ingin ingatkan kembali warga terutamanya para pensyarah mengenai 7Ps yakni apakah amanah dan tanggungjawab kita sebagai pensyarah. Ingat anda semua bertanggungjawab terhadap

1. Pengajaran
2. Penyeliaan

3. Penyelidikan
4. Penerbitan
5. Perundingan
6. Pentadbiran dan juga
7. Pembangunan pelajar.

Ingatlah amanah adalah tanggungjawab yang akan dipersoalkan di hari pembalasan nanti. Bukan soal kedudukan atau kemuliaan, sebaliknya adakah kita melaksanakan dengan sepenuh hati, ikhlas terhadap beban yang kita pikul ini. Saya ingatkan diri saya sendiri juga buat semua pensyarah yang saya kasih, jangan mengkhianati amanah dan tanggungjawab terhadap pekerjaan yang kita cintai ini.

### **SLIDE 78: MOVIE**

Hadirin sekalian,

Satu hari saya duduk menonton filem. Filem ini biasa sahaja dan tidak menarik minat saya pun pada mulanya. Tetapi entah kenapa 2 jam 1 minit saya habiskan masa menonton filem ini. Begitu dekat di hati saya, banyak ibrah yang boleh saya pelajari. Jadi saya kongsikan bersama anda semua kerana anda semua begitu dekat di hati saya. Ambil ibrahnya dan ayuh sama-sama kita berubah ke arah kebaikan.

Kenapa filem ini;

1. Apapun pekerjaan yang kita direzekikan semuanya bermula daripada diri sendiri. Bagaimana kita menerima rezeki tersebut dengan redha dan bagaimana kita bersyukur bahawa kita tidak sebaik orang sekililing kita yang mempunyai pekerjaan yang mungkin pulangannya jauh lebih lumayan. Jadi semuanya bermula

daripada penerima kita dan bagaimana kita merencanakan hidup kita dengan ilmu dan sokongan daripada orang sekeliling.

2. Goa (watak utama dalam filem ini) mengubah kerjaya daripada pekerjaan berkolar putih ke *gig job* telah membuka pelbagai persepsi. Penerimaan keluarga, diri sendiri dan masyarat sekeliling memberi tekanan yang hebat.
3. Tetapi beliau belajar pelbagai perkara tentang takdir ini yang mana saya sendiri juga belajar takdir yang Allah berikan untuk memimpin juga begitu. Saya belajar tentang nilai, persahabatan, sokongan, penerimaan, bagaimana saya perlu bangun sekiranya jatuh terduduk, bagaimana harus menongkah walaupun hampir tenggelam dengan lemasnya tekanan dan bagaimana saya harus bersyukur atas rezeki serta takdir Allah ini.

Sebagaimana firman Allah;

*Dan sesungguhnya telah kami berikan hikmah kepada Lukman, yaitu;  
“Bersyukurlah kepada Allah. Dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah), maka sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya sendiri; dan barangsiapa yang tidak bersyukur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji”*

*(QS. Luqman:12)*

## **SLIDE 79: PESANAN**

Dalam buku Tanah Bertuah - Himpunan Loghat Segamat susunan Ibnu Yusof, saya tertarik dengan kata-kata ini iaitu;

*Benarlah pesan emak, cakap biar berbahasa,  
Sungguhlah nasihat abah, hidup biar berjasa,  
Kasih abah sepanjang masa,  
Kasih emak membawa ke syurga.*

Hadirin sekalian, semuanya bertitik-tolak daripada ilmu. Komunikasi memerlukan kemahiran, cakap berbahasa memerlukan ilmu, pembentukan watak memerlukan otak yang dibajai dengan ilmu dan ihsan. Saya bacakan satu pantun petikan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka,

Mengapa lalang menjadi subur,  
Kerana lama orang tak lalu,  
Mengapa orang menjadi takbur,  
Kerana dadanya kurang berilmu.

### **SLIDE 80: TERIMA KASIH**

Sebelum mengakhiri amanat tahun baharu ini, saya menyeru semua warga UiTM Cawangan Johor untuk menitikberatkan kod dan etika penjawat awam seperti kehadiran bertugas, ketepatan masa, tadbir urus yang efisyen dan budaya integriti yang tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan buat semua pemegang taruh kita. Sepanjang penyampaian saya banyak nilai-nilai ESI iDART ditekankan. Ilmu, disiplin, amanah, rajin dan tanggungjawab itu nilai warga UiTM yang kita mahu, kerana kita mahu menghasilkan graduan yang berkualiti yang mampu membina negara.

Niat kita bekerja kerana Allah. Saya seru semua warga letak ihsan di tempat yang betul. Pegang kepada jati diri bangsa, berubah mengikut

keperluan dan berintegrasilah dengan keadaan. Lestari membina bangsa agar negara tidak pupus dengan modal insannya. Anak-anak kita semua harus dinasihat dengan tertib supaya kata-kata yang keluar dari mulut mereka tidak menjadi bahana. Ilmu perlu dipegang, diamal dan dijulang. InsyaAllah warga UiTM Johor terus gemilang.

Akhir kata, sekali lagi **selamat menyambut tahun baru 2025** kepada semua warga UiTM Cawangan Johor. Tahun ini insyaAllah kita akan bersungguh-sungguh mengejar kejayaan, memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara tercinta. Jaga diri, jaga emosi, jaga kesihatan, dan jangan lupa bersukan. Sekali lagi jutaan terima kasih untuk semua urusetia yang terlibat pada majlis amanat ini diketuai oleh Bahagian Pentadbiran, En Faizul dan juga pasukannya, juga buat semua unit/bahagian/fakulti yang membantu kelancaran majlis. Mahatma Gandhi berpesan,

*Live as if you were to die tomorrow.*

*Learn as if you were to live forever*

#UiTM dihatiku

#UiTMJohorBerdayahuni

Sekian, Wassalam.

Wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Prof Madya Dr Saunah Zainon,  
Menjalankan Fungsi Rektor,  
UiTM Cawangan Johor  
21 Februari 2025.